

PM - PERPADUAN

ALOR SETAR, 27 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMMED HARI INI MEMINTA RAKYAT MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN RAMAI DARIPADA KEPENTINGAN DIRI DAN MEMUPUK SEMANGAT BEKERJASAMA.

KATANYA, PERPADUAN DAN PERSEFAHAMAN DALAM MASYARAKAT TIDAK AKAN DAPAT DIWUJUDKAN JIKA SESEORANG LEBIH MEMENTINGKAN DIRINYA DARIPADA KEPENTINGAN MASYARAKAT UMUM.

+MISALNYA DALAM SEBUAH KAMPUNG YANG RAMAI, APABILA MEREKA YANG TINGGAL DI TENGAH-TENGAH KAMPUNG MEMERLUKAN JALAN RAYA SEDANGKAN MEREKA YANG TINGGAL SEKELILING KAMPUNG ITU TIDAK MEMBENARKAN TANAH MEREKA DIAMBIL UNTUK DIBINA JALAN, MAKA MEREKA YANG TINGGAL DI BAHAGIAN TENGAH TIDAK AKAN MERASAI NIKMAT JALAN RAYA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBUAT SARANAN ITU KEPADA 1,000 ORANG PENDUDUK KAMPUNG BUKIT RAYA DALAM, 30 KM DARI SINI PADA MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA HAJI SEMPENA LAWATAN BELIAU DAN ISTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH. -- LAGI.  
1807MST 27 08 85

PM - PERPADUAN 2 ALOR SETAR

PERDANA MENTERI BERKATA SEMANGAT PENGORBANAN YANG DIANJURKAN PADA HARI RAYA KORBAN ITU HENDAKLAH DIPERLUASKAN PENGERTIANNYA KEPADA PENGORBANAN UNTUK MASYARAKAT, AGAMA DAN NEGARA.

KATANYA PENGORBANAN YANG DIMAKSUDKAN ITU TIDAK TERHAD KEPADA MEREKA YANG BERADA SAHAJA, TETAPI MELIPUTI SEMUA LAPISAN RAKAYAT SAMA ADA KAYA ATAU MISKIN.

MEREKA YANG MAMPU BOLEH MENGORBANKAN WANG RINGGIT SEMENTARA YANG TIDAK BERADA BOLEH MENGORBANKAN MASA DAN TENAGA UNTUK MEMBUAT PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN MELALUI KERJA-KERJA GOTONG-ROYONG, KATANYA.

+SEMANGAT BERKORBAN YANG DIKEHENDAKI OLEH AGAMA KITA IALAH KESANGGUPAN KITA MELAWAN KEHENDAK HAWA NAFSU YANG MEMENTINGKAN DIRI DAN SEBALIKNYA BERKERJASAMA UNTUK FAEDAH MASYARAKAT UMUM,+ KATANYA.

KATANYA SEMANGAT KERJASAMA DAN TOLONG MENOLONG ITU AKAN MEMUPUK KEMESRAAN DAN PERHUBUNGAN RAPAT SATU SAMA LAIN BAGI MENGEKALKAN PERPADUAN.

-- LAGI:  
1809MST 27 08 85

PM - PERPADUAN 3 ALOR SETAR

BELIAU JUGA MENYERU SETIAP RAKYAT BERUSAHA DAN BEKERJA KUAT UNTUK MENOLONG DIRI SENDIRI DAN BUKAN TERLALU BERGANTUNG KEPADA KERAJAAN ATAU WAKIL RAKYAT UNTUK MEMINTA SESUATU.

KATANYA MEREKA HENDAKLAH BERDIKARI KERANA ITULAH SAHAJA CARA YANG PALING BAIK MENGATASI MASALAH DAN MEMAJUKAN DIRI SERTA KELUARGA MEREKA MENCAPAI KEHIDUPAN YANG LEBIH BAIK.

MENGENAI PERMINTAAN WAKIL PENDUDUK SUPAYA DIBERI KEMUDAHAN ASAS SEPERTI JALAN RAYA DAN BEKALAN ELEKTRIK, PERDANA MENTERI BERKATA MASALAH ITU PATUT DIKEMUKA KEPADA WAKIL RAKYAT MEREKA UNTUK DISAMPAIKAN KEPADA KERAJAAN.

+MALANGNYA WAKIL RAKYAT KAWASAN INI BUKAN DARIPADA BARISAN NASIONAL. SUSAHLAH HENDAK SAYA CAKAPKAN. TERPULANG KEPADA PENDUDUK KAMPUNG INI MENENTUKAN WAKIL RAKYAT MASA DEPAN DARIPADA PARTI KERAJAAN,+ KATANYA DENGAN BERSELOROH.

KAWASAN UNDANGAN NEGERI BUKIT RAYA DIMENANGI OLEH PESURUHJAYA PAS KEDAH, ENCIK FADZIL NOOR SEMENTARA KAWASAN PARLIMEN (KOTA STAR) OLEH BEKAS SETIAUSAHA PAS, DATUK ABU BAKAR UMAR. -- LAGI.

D72.

U B447 DEB

PM - PERPADUAN 4 ALOR SETAR

PERDANA MENTERI DAN ISTERI DISAMBUT OLEH SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI, DATUK SHAARI ABU BAKAR DAN PARA PEMIMPIN MASYARAKAT SETIBANYA MEREKA DI KAMPUNG ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR PETANG INI SETELAH BERADA DUA HARI BERSAMA KELUARGA MENYAMBUT HARI RAYA HAJI DI KEDAH.

-- BERNAMA.

1814MST 27 08 85